

1.8.2021_Harian Metro_MOSTI_PPV walk-in mula operasi esok

PPV walk-in mula operasi esok

Kuala Lumpur: Pusat Pemberian Vaksin (PPV) secara terus tanpa janji temu atau *walk-in* di Lembah Klang akan memulakan operasi esok untuk golongan 40 tahun ke atas dan yang mempunyai komorbiditi.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, untuk mengelak masalah berita palsu, bukan semua PPV menerima individu tanpa janji temu itu.

Katanya, senarai PPV dibenarkan untuk tujuan itu akan dikeluarkan menerusi siaran media Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF).

"Saya harap mereka menerima mesej tular di WhatsApp berkenaan senarai PPV dengan vaksin tertentu untuk *walk-in* itu adalah tidak benar.

"Senarai PPV untuk *walk-in* di Lembah Klang hanya dikeluarkan CITF hari ini (semalam) jangan anggap semua PPV dibuka untuk *walk-in*.

"Bagi *walk-in* kaedah adalah *first come first serve*



Bagi walk-in kaedah adalah first come first serve atau siapa dulu dia dapat. Ia bergantung kepada kapasiti PPV itu."

Khairy Jamaluddin

atau siapa dulu dia dapat. Ia bergantung kepada kapasiti PPV itu," katanya.

Katanya, orang ramai yang datang untuk vaksinasi tanpa janji temu di PPV kelak akan dimaklumkan mengenai berapa ramai atau kapasiti sehari untuk imunisasi.

Katanya, bagi mereka yang tidak dapat suntikan vaksin akan diberi keutamaan pada keesokannya.

"Itu kaedah pelaksanaan PPV *walk-in* bagi Lembah Klang dan perinciannya nanti akan diedarkan kenyataan media," katanya.

Katanya, PPV yang terabit akan mengutamakan individu yang sudah mempunyai janji temu untuk suntikan vaksin.